

06 SEP 1996

Umno-Jawatankuasa

UMNO BENTUK BADAN KHAS ADILI TUDUHAN TERHADAP CALON NAIB PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno bersetuju menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengadili semua tuduhan terhadap calon-calon naib presiden, ketua pemuda dan ketua wanita berhubung kegiatan berkempen menjelang pemilihan parti bulan depan.

Jawatankuasa itu dipengerusikan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dianggotai timbalan presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim dan setiausaha agung Datuk Mohamed Rahmat, ketiga-tiganya tidak bertanding pada pemilihan itu.

Beberapa tokoh veteran Umno juga akan dijemput menyertai badan itu, kata Dr Mahathir pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi itu di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam ini.

"Keputusan jawatankuasa khas ini adalah muktamad," kata Perdana Menteri.

Jawatankuasa itu dibentuk memandangkan segala tuduhan mengenai pelanggaran larangan berkempen kini dirujuk kepada jawatankuasa disiplin yang turut dianggotai ketiga-tiga naib presiden, ketua pemuda dan ketua wanita.

Umno sebelum ini memutuskan untuk melarang sebarang bentuk kempen bagi mengatasi politik wang dan penyalahgunaan kuasa menjelang perhimpunan agung yang dijadualkan dari 9 hingga 12 Okt ini.

Dr Mahathir berkata ada persoalan ditimbulkan bahawa sementara calon-calon yang bukan anggota jawatankuasa disiplin itu diperiksa, didisiplinkan dan dihukum atas tuduhan terhadap mereka, bagaimana pula kedudukan anggota jawatankuasa itu sendiri yang bertanding pada pemilihan itu dan mungkin menghadapi tuduhan berkempen.

Oleh kerana ia melibatkan anggota-anggota jawatankuasa disiplin, mesyuarat meminta ketiga-tiga naib presiden -- Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, ketua pemuda Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan ketua wanita Datuk Seri Rafidah Aziz berundur sementara perkara itu dibincangkan.

Anggota-anggota Majlis Tertinggi yang bertanding untuk jawatan-jawatan naib presiden, ketua pemuda dan ketua wanita juga diminta berundur semasa ia dibincangkan, kata Dr Mahathir.

"Setelah berbincang dengan panjang lebar, Majlis Tertinggi bersetuju supaya ditubuhkan jawatankuasa khas ini," katanya.

Beliau berkata jawatankuasa disiplin, yang dipengerusikan Anwar, akan terus membuat penilaian dan keputusan terhadap tuduhan mengenai calon-calon Majlis Tertinggi.

Mesyuarat itu juga bersetuju supaya semua pihak termasuk menteri-menteri dan anggota-anggota kerajaan yang menjalankan tugas kementerian masing-masing tidak boleh mengadakan sebarang perhimpunan yang mungkin disalah-anggap sebagai berkempen.

Bagaimanapun, acara-acara tertentu yang tidak ada kena mengena dengan kemungkinan berkempen boleh diteruskan, kata Dr Mahathir.

Kebanyakan acara yang tiada kaitan dengan kempen yang boleh ditangguh, akan ditangguhkan, katanya.

Beliau juga memberi amaran kepada para perwakilan supaya tidak membuat apa-apa permohonan seperti mendapatkan lesen daripada kerajaan menjelang pemilihan itu. Permohonan boleh dibuat semula selepas perhimpunan agung.

Katanya, majlis tertinggi percaya permohonan-permohonan yang dibuat

sekarang merupakan satu cara ugutan terhadap menteri dan timbalan menteri yang bertanding pada pemilihan itu.

-- BERNAMA

AZZ AKD